

## 21 nelayan ceroboh perairan

**MUAR** - Cawangan Perlindungan Sumber Pejabat Perikanan Negeri Johor semalam menahan enam vesel pukat tunda bersama 21 nelayan yang menangkap ikan tanpa lesen di sekitar perairan Parit Jawa.

Ketua cawangannya, Yusni Mohd Yusoh berkata, kesemua yang ditahan dalam operasi Pemantauan dan Pengawasan Vesel Penangkapan Ikan Zon Selatan Pantai Barat Johor Siri 1 itu adalah nelayan tempatan berusia di antara 20-an hingga 60-an.

Menurutnya, kesemua mereka ditahan mengikut Seksyen 8(b) Bukan Usaha Sendiri (BUS).

"Nelayan ini dikesan sedang membawa vesel milik individu lain. Ketika operasi kira-kira jam 1 pagi itu, mereka didapati menunda ikan di luar kawasan yang dibenarkan melebihi

garis lintang bagi vesel pukat tunda," katanya kepada pemberita semalam.

Yusni berkata, kesemua vesel pukat tunda zon B itu dikesan berpangkalan di Pontian, Rengit dan Parit Botak.

"Ketika operasi berkenaan, keenam-enam vesel itu ditahan di lokasi berasingan iaitu Parit Rabu, Parit Sakai, Tanjung Tohor dan Parit Unas.

"Tiga daripada vesel dikesan melanggar Seksyen 8(b), beroperasi menunda ikan pada waktu yang dibenarkan iaitu 6 pagi hingga 7 petang pada 5 hingga 12 batu nautika dari garis pantai," katanya.

Yusni memberitahu, individu yang ditahan juga diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Perlindungan Sumber Batu Pahat untuk siasatan lanjut.



Ikan yang dirampas daripada nelayan yang menceroboh perairan Parit Jawa semalam.